BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Pen: 09/04/34 (BN)

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 1800 pada hari Selasa, 28 September 2004

SIARAN AKHBAR

Perkembangan Monetari dan Kewangan Ogos 2004
Maklumat Utama Siaran Akhbar

Pemberian pinjaman kepada sektor PKS kekal tinggi

Pada bulan Ogos, aktiviti pembiayaan adalah mapan dicerminkan oleh perkembangan dalam pinjaman terkumpul sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (PDS) yang meningkat pada kadar tahunan 7.1%. Pemberian pinjaman bank kepada sektor perniagaan bertambah baik dengan pengeluaran meningkat pada kadar tahunan 4%. Sebagai mencerminkan aktiviti ekonomi yang mapan, permintaan dana oleh para peniaga terus meningkat dengan permohonan pinjaman berkembang pada kadar tahunan 37%, terutama dalam sektor kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan serta sektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi.

Pembiayaan yang dikeluarkan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) kekal kukuh seperti yang dicerminkan oleh pinjaman terkumpul kepada PKS yang meningkat pada kadar tahunan 7.8% pada akhir Ogos. Pinjaman yang dikeluarkan kepada PKS berkembang pada kadar tahunan 10.3%, sementara sejumlah RM2.7 bilion pinjaman diluluskan kepada 7,807 akaun PKS.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Pen: 09/04/34 (BN)

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 1800 pada hari Selasa, 28 September 2004

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN OGOS 2004

Pemberian pinjaman kepada sektor PKS kekal tinggi

Pada bulan Ogos, aktiviti pembiayaan adalah mapan dicerminkan oleh perkembangan dalam pinjaman terkumpul sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (PDS) yang meningkat pada kadar tahunan 7.1%. Pemberian pinjaman bank kepada sektor perniagaan bertambah baik dengan pengeluaran meningkat pada kadar tahunan 4%. Sebagai mencerminkan aktiviti ekonomi yang mapan, permintaan dana oleh para peniaga terus meningkat dengan permohonan pinjaman berkembang pada kadar tahunan 37%, terutama dalam sektor kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan serta sektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi.

Pembiayaan yang dikeluarkan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) kekal kukuh seperti yang dicerminkan oleh pinjaman terkumpul kepada PKS yang meningkat pada kadar tahunan 7.8% pada akhir Ogos. Pinjaman yang dikeluarkan kepada PKS berkembang pada kadar tahunan 10.3%, sementara sejumlah RM2.7 bilion pinjaman diluluskan kepada 7,807 akaun PKS.

Kadar faedah kekal rendah

Pada tempoh 2 Ogos – 27 September, purata wajaran harian kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat antara 2.68 – 2.72%, iaitu pada kadar purata 2.70%.



Kadar antara bank semalaman kekal stabil



Kadar antara bank kekal rendah dan stabil



Operasi mudah tunai mengembang pada bulan Ogos untuk mengimbangi kesan operasi Kerajaan



Nisbah pembiayaan-deposit berada pada paras 90.1%

Kadar berian pinjaman asas (BLR) purata bank perdagangan dan syarikat kewangan kekal tidak berubah pada kadar 5.98% dan 6.90% pada akhir bulan Ogos. Kadar berian pinjaman purata (ALR) bank perdagangan meningkat kepada 6.09% (6.00% pada akhir Julai), disebabkan terutamanya oleh pemindahan pinjaman yang dikeluarkan oleh sebuah syarikat kewangan berikutan penggabungannya dengan sebuah bank perdagangan. Sementara itu, ALR syarikat kewangan merosot kepada 8.64% (8.69% pada akhir Julai).



ALR bank perdagangan lebih tinggi manakala ALR syarikat kewangan lebih rendah disebabkan terutamanya oleh kesan penggabungan dengan sebuah bank perdagangan



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Jul 04	3.00	3.00	3.00	3.01	3.70
Ogos 04	3.00	3.00	3.00	3.00	3.70
15 Sep 04	3.00	3.00	3.00	3.00	3.70

Kadar deposit tetap bank perdagangan kekal tidak berubah…



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Jul 04	3.00	3.00	3.01	3.03	3.70
Ogos 04	3.00	3.00	3.01	3.04	3.70
15 Sep 04	3.00	3.00	3.01	3.04	3.70

…begitu juga dengan syarikat kewangan



Kadar deposit tetap benar 3 bulan lebih rendah sedikit

Prestasi ringgit

Pada bulan Ogos, prestasi ringgit adalah bercampur-campur berbanding mata wang utama dunia. Nilai dolar AS meningkat berikutan kenaikan dua puluh lima mata peratusan dalam *Fed Funds rate*, data ekonomi yang positif dan harga minyak mentah yang lebih rendah pada penghujung bulan Ogos. Berbanding paun sterling, kenaikan nilai dolar juga disebabkan tanggapan bahawa bezaan kadar faedah akan mengecil. Sementara itu, prestasi ekonomi Jepun yang mapan mendorong kenaikan nilai yen pada bulan Ogos. Berbanding mata wang serantau, ringgit juga mencatat prestasi yang bercampur-campur. Kenaikan nilai won berbanding dolar AS disebabkan oleh aliran masuk asing ke pasaran ekuiti Korea Selatan. Walau bagaimanapun, penyusutan nilai baht dan rupiah disebabkan oleh sentimen ekonomi dalam negeri yang kurang menggalakkan.

Pada tempoh 1-27 September, prestasi ringgit bercampur-campur berbanding mata wang utama dan serantau. Dolar AS menjadi lemah berikutan laporan mengenai peningkatan dalam defisit akaun semasa AS, dan kenaikan yang lebih sederhana dalam harga pengguna yang menyokong sentimen langkah beransur-ansur untuk meningkatkan kadar faedah.



Pada tempoh 1-27 September ringgit susut nilai berbanding paun sterling dan euro



Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih

RM per mata wang asing	Akhir tempoh			% Perubahan			
	02 Sep 98	Ogo 04	27 Sep 04	Ogo 04	Akhir Ogo 04 - 27 Sep 04	Akhir Dis 03 - 27 Sep 04	02 Sep 98 - 27 Sep 04
Dolar AS	3.8000	3.8000	3.8000	0.0	0.0	0.0	0.0
Euro	-	4.5621	4.6670	0.3	-2.2	2.4	-
Paun sterling	6.3708	6.8007	6.8641	1.6	-0.9	-1.4	-7.2
100 yen Jepun	2.7742	3.4478	3.4350	-1.5	0.4	3.5	-19.2
Dolar Singapura	2.1998	2.2166	2.2483	-0.6	-1.4	-0.6	-2.2
100 baht Thai	9.3713	9.1182	9.1621	0.7	-0.5	4.7	2.3
100 peso Filipina	8.8302	6.7559	6.7334	0.5	0.3	1.6	31.1
100 rupiah Indonesia	0.0354	0.0406	0.0416	1.9	-2.2	8.0	-14.8
100 won Korea	0.2827	0.3294	0.3306	-1.5	-0.4	-3.8	-14.5

Inflasi kekal rendah

Kadar inflasi yang diukur melalui Indeks Harga Pengguna (IHP, 2000=100), kekal rendah pada paras 1.4% pada bulan Ogos. Peningkatan harga makanan yang lebih tinggi diimbangi sebahagian besarnya oleh peningkatan harga yang lebih rendah dalam kebanyakan barangan lain. Kadar inflasi tahunan purata bagi lapan bulan pertama tahun 2004 ialah 1.2% (1.1% pada bulan Januari-Ogos 2003).



IHP kekal rendah

Harga Pengeluar sederhana

Indeks Harga Pengeluar (IHPR, 1989=100) terus meningkat dengan sederhana pada bulan Julai untuk mencatat pertumbuhan tahunan sebanyak 9.5% (9.8% pada bulan Jun). Kenaikan yang sederhana dapat dilihat dalam sektor makanan dan binatang hidup yang boleh dimakan, bahan mentah serta minyak dan lemak binatang dan sayur-sayuran. Tidak termasuk produk berkaitan komoditi, IHPR terlaras mencatat kadar pertumbuhan tahunan yang lebih rendah iaitu 1.9% (2.9% pada bulan Jun).



IHPR meningkat sederhana pada bulan Julai

Wang secara luas terus meningkat

Wang secara luas, M3, meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan 10.1% pada akhir Ogos (10.4% pada akhir Julai). Kenaikan M3 sebahagian besarnya mencerminkan aktiviti pembiayaan bank yang meningkat, di samping penghantaran balik perolehan eksport yang mapan. Mencerminkan perbelanjaan pengguna dan sektor perniagaan yang memberangsangkan, M1 meningkat sebanyak RM1.8 bilion atau pada kadar tahunan 12.8% pada akhir Ogos (14.1% pada akhir Julai).



Penentu-Penentu M3

(RM bilion)

	Perubahan pada tempoh			
	Jun 04	**Jul 04**	**Ogo 04**	**Jan - Ogo 04**
M3	4.4	2.4	2.1	33.7
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	0.4	1.8	-0.9	-7.1
Tuntutan ke atas sektor swasta	5.8	-0.4	3.4	19.0
Pinjaman	*6.8*	*-0.6*	*3.0*	*22.3*
Sekuriti	*-1.0*	*0.1*	*0.4*	*-3.3*
Operasi luar negeri bersih *	4.3	2.0	0.8	42.1
Pengaruh lain	-6.0	-1.0	-1.1	-20.3

* Sebelum penilaian semula

Deposit individu lebih tinggi

Jumlah deposit yang dikumpul oleh sistem perbankan meningkat sebanyak RM2.9 bilion pada bulan Ogos, terutamanya hasil daripada peningkatan dalam simpanan tetap individu. Secara keseluruhan, pertumbuhan tahunan deposit sistem perbankan kekal tinggi pada paras10.2% pada akhir Ogos (10.4% pada akhir Julai).

Deposit Mengikut Penyimpan

(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Jun 04	**Jul 04**	**Ogo 04**	**Jan - Ogo 04**
Kerajaan Persekutuan	694	-1,361	394	-507
Kerajaan Negeri	43	-283	588	966
Badan Berkanun [1]	46	-450	-5	-3,309
Institusi Kewangan	391	3,111	-56	8,613
Perusahaan Perniagaan	5,887	-1,745	258	14,250
Individu	1,259	-596	1,420	11,480
Lain-lain [2]	-981	502	284	1,336
Jumlah	7,340	-822	2,884	32,830

1/ Termasuk Kerajaan tempatan

2/ Termasuk lain-lain entiti tempatan dan entiti bukan bank asing

Individu penyumbang utama

Deposit Mengikut Jenis

(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Jun 04	**Jul 04**	**Ogo 04**	**Jan - Ogo 04**
Deposit tetap	-11	2,979	-745	13,343
NID	790	371	316	4,523
Deposit permintaan	2,491	-2,165	1,924	2,223
Deposit tabungan	334	-728	144	1,654
Perjanjian beli balik (Repo)	1,825	-1,437	503	4,899
Deposit mata wang asing	-430	55	-55	-85
Deposit SPI	1,986	-194	907	4,416
Lain-lain	356	297	-111	1,857
Jumlah	7,340	-822	2,884	32,830

Dana disimpan terutama dalam bentuk deposit permintaan

Aktiviti pemberian pinjaman bank kekal kukuh, dengan pertumbuhan lebih tinggi dalam pinjaman terkumpul kepada PKS

Pada bulan Ogos, jumlah pembiayaan kasar adalah lebih rendah berikutan berkurangnya aktiviti penerbitan modal oleh sektor swasta dalam pasaran modal. Namun begitu, pada asas bersih, jumlah pembiayaan sektor swasta adalah lebih tinggi dengan jumlah pinjaman terkumpul sistem perbankan dan PDS meningkat sebanyak RM4.4 bilion atau pada kadar tahunan 7.1%.

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Pembiayaan kasar kepada sektor swasta lebih rendah

Trend asas dalam aktiviti pemberian pinjaman bank adalah mapan pada bulan ini. Pinjaman yang dikeluarkan meningkat pada kadar tahunan 3.2% pada bulan Ogos (1.5% pada bulan Julai), dengan pinjaman disalurkan terutamanya kepada sektor perkilangan serta sektor borong, runcit , restoran dan hotel. Kedua-dua penunjuk pinjaman masa hadapan, iaitu jumlah permohonan dan kelulusan pinjaman masing-masing berkembang pada kadar tahunan 21.8% dan 14.4% (11.5% dan 14.2% pada bulan Julai).

Dalam sektor perniagaan, aktiviti pemberian pinjaman bank kekal tinggi pada bulan Ogos. Mengikut asas tahunan, kelulusan dan pengeluaran pinjaman masing-masing meningkat pada kadar yang lebih cepat sebanyak 18.7% dan 4% (masing-masing 2.6% dan -0.2% pada bulan Julai). Permintaan terhadap dana oleh sektor perniagaan terus meningkat dengan kadar pertumbuhan tahunan yang lebih tinggi bagi permohonan pinjaman sebanyak 37% (8.2% pada bulan Julai), disebabkan terutamanya oleh permintaan yang lebih tinggi daripada sektor kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan serta sektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi.

Di kalangan sektor perniagaan, aktiviti pemberian pinjaman kepada PKS terus kukuh. Pinjaman yang dikeluarkan berjumlah RM8.1 bilion, meningkat pada kadar tahunan 10.3% pada bulan Ogos (12.8% pada bulan Julai). Ini mencerminkan peningkatan dalam pinjaman kepada sektor perkilangan, perdagangan borong dan pembinaan. Pinjaman yang diluluskan kepada PKS kekal tinggi, dengan sejumlah RM2.7 bilion pinjaman diluluskan kepada 7,807 akaun PKS. Mengikut asas tahunan, jumlah pinjaman terkumpul PKS ialah 7.8% lebih tinggi pada akhir Ogos (7.3% pada akhir Julai).

Sementara itu, pemberian pinjaman kepada sektor isi rumah terus berkembang pada kadar yang mapan. Pinjaman yang dikeluarkan kepada sektor ini berjumlah RM11 bilion, meningkat pada kadar tahunan 7.9% (10.1% pada bulan Julai), dengan dana dikeluarkan terutamanya bagi tujuan pembelian harta benda kediaman. Permintaan terhadap dana baru seperti yang dicerminkan oleh permohonan pinjaman, bertambah sebanyak RM10 bilion atau pada asas tahunan 3.8% (RM10.9 bilion atau 14.3% pada bulan Julai).

Secara keseluruhan, jumlah pinjaman terkumpul sistem perbankan meningkat pada kadar tahunan 5.3% pada akhir Ogos (5.3% pada akhir Julai).



Kesemua penunjuk pinjaman utama kekal pada paras yang tinggi



Paras pinjaman kepada semua sektor kekal mapan

Dana bersih yang diperoleh sektor awam dalam pasaran modal lebih tinggi

Pada bulan Ogos, jumlah dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal adalah lebih tinggi, iaitu berjumlah RM5.9 bilion (RM4.1 bilion pada Julai). Dana yang bertambah tinggi diperoleh oleh sektor awam melalui penerbitan semula Sekuriti Kerajaan Malaysia 3/86. Dana yang diperoleh dalam pasaran PDS adalah terutamanya untuk membiayai penggabungan dan pengambilalihan.



Sektor awam memperoleh dana bersih yang lebih tinggi

Berikutan kebimbangan mengenai isu geopolitik, IK BSKL merosot sebanyak 0.7% kepada 828 mata pada akhir Ogos berbanding dengan akhir Julai. Walau bagaimanapun, sentimen pasaran bertambah baik menjelang penghujung bulan, berikutan pengumuman pertumbuhan KDNK suku kedua 2004 yang lebih baik daripada jangkaan, di samping pengumuman prestasi pendapatan suku tahunan korporat yang lebih baik. Permodalan pasaran adalah rendah sedikit kepada paras RM654.3 bilion (-1.6% semenjak akhir Julai) sementara purata urus niaga harian bagi bulan tersebut ialah 303.4 juta unit (333.27 juta unit pada bulan Julai).

Pada 27 September, IK BSKL ditutup lebih tinggi pada paras 848.3 mata (+2.5% semenjak akhir Ogos). Prestasi pasaran menjadi bertambah baik berikutan pengumuman Bajet tahun 2005 dan penstabilan harga minyak mentah. Permodalan pasaran adalah lebih tinggi pada paras RM671.1 bilion (2.6% semenjak akhir Ogos), sementara purata urus niaga harian bagi tempoh 1-27 September lebih tinggi pada 386.9 juta unit.



IK BSKL meningkat berikutan sentimen pasaran yang bertambah baik

Rizab antarabangsa meningkat berikutan perolehan eksport yang lebih tinggi

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM207.2 biion atau ASS$54.5 biion pada 30 Ogos 2004. Peningkatan rizab sebanyak RM0.8 bilon (AS$203 juta) pada bulan Ogos disebabkan terutamanya oleh penghantaran balik pendapatan eksport dan aliran masuk pelaburan langsung asing yang berterusan. Aliran keluar pula mencerminkan terutamanya pembayaran import barangan dan perkhidmatan dan penghantaran balik dividen dan pelaburan portfolio. Rizab terus meningkat kepada RM210.7 bilion (AS$55.4 bilion) pada 15 September 2004. Kedudukan rizab cukup untuk membiayai 7.2 bulan import tertangguh dan 5 kali hutang luar negeri jangka pendek.



Rizab terus meningkat

Permodalan bertambah kukuh sementara NPL kekal mapan

Nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) sistem perbankan terus bertambah kukuh kepada 14.1%, yakni paras tertinggi semenjak krisis kewangan Asia. Ini disebabkan terutamanya oleh kemasukan keuntungan yang telah diaudit dalam modal asas beberapa buah institusi perbankan. Nisbah NPL bersih berdasarkan klasifikasi 6-bulan ialah 6.2%.

Penunjuk Keadaan Sistem Perbankan *

	Pada akhir tempoh							
	1999	**2000**	**2001**	**2002**	**2003**	**Jun 04**	**Jul 04**	**Ogos 04**
Modal (%)								
Nisbah modal teras	10.1	10.7	11.1	11.1	11.1	11.3	11.4	11.5
RWCR	12.5	12.5	13.0	13.2	13.8	13.9	13.9	14.1
NPL bersih (klasifikasi 6 bulan)								
% jumlah pinjaman bersih	6.4	6.3	8.1	7.5	6.8	6.3	6.2	6.2
Jumlah (RM juta)	23,849	24,700	32,833	31,703	30,766	29,330	29,152	29,481
Peruntukan am/Jumlah pinjaman bersih (6 bulan, %)	1.9	1.9	1.9	1.8	1.8	1.8	1.8	1.8

* Mulai Jun 1999, jadual ini termasuk institusi perbankan Islam.



Nisbah NPL bersih (klasifikasi 6-bulan) pada paras 6.2%



RWCR dan nisbah modal teras masing-masing terus kukuh kepada 14.1% dan 11.5%

Bank Negara Malaysia
28 September 2004

Perangkaan Utama Monetari dan Kewangan

		Jun 04		Jul 04		Ogos 04	
		Jumlah	Pertumbuhan tahunan	Jumlah	Pertumbuhan tahunan	Jumlah	Pertumbuhan tahunan
		(RM b)	(%)	(RM b)	(%)	(RM b)	(%)
Agregat Monetari							
Wang rizab		46.4	8.7	47.3	8.0	47.4	6.0
M1		105.4	16.3	103.9	14.1	105.7	12.8
M2		447.6	11.5	451.2	12.1	467.0	14.7
M3		578.8	10.8	581.2	10.4	583.3	10.1
Sistem Perbankan							
Jumlah deposit		584.6	11.1	583.8	10.4	586.7	10.2
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas)		492.7	6.2	491.8	5.3	495.5	5.3
Nisbah pinjaman-deposit (%)		80.2		80.2		80.3	
Nisbah pembiayaan-deposit [1] (%)		89.9		90.0		90.1	
Pinjaman yang dipohon (pada tempoh berkenaan)		24.7	34.9	25.3	11.5	26.2	21.8
Pinjaman yang diluluskan (pada tempoh berkenaan)		18.1	28.5	16.5	14.2	14.4	14.4
Pinjaman yang dikeluarkan (pada tempoh berkenaan)		42.4	12.7	41.2	1.5	38.6	3.2
Pinjaman yang dibayar balik (pada tempoh berkenaan)		36.7	16.5	43.2	13.8	36.7	5.2
Keadaan Sistem Perbankan							
Nisbah Modal Berwajaran Risiko (RWCR) (%)		13.9		13.9		14.1	
NPL bersih: Klasifikasi 6-bulan (%)		6.3		6.2		6.2	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)							
Rizab dalam RM (bilion)		204.8		206.4		207.1	
Rizab dalam Dolar AS (bilion)		53.9		54.3		54.5	
Bilangan bulan import tertangguh		7.1		7.0		7.1	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]							
Kadar Dasar Semalaman (KDS)		2.70		2.70		2.70	
Antarabank:	Semalaman	2.69 [2.70]		2.68 [2.70]		2.72 [2.70]	
	Seminggu	2.77 [2.75]		2.74 [2.73]		2.74 [2.74]	
	1 bulan	2.83 [2.81]		2.84 [2.80]		2.83 [2.80]	
	3 bulan	2.83 [2.85]		2.83 [2.82]		2.80 [2.81]	
Deposit tetap bank perdagangan:	1 bulan	3.00		3.00		3.00	
	3 bulan	3.00		3.00		3.00	
BLR bank perdagangan		5.98		5.98		5.98	
ALR bank perdagangan		5.99		6.00		6.09	
Harga							
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2000=100)		105.6	1.3	105.8	1.3	105.8	1.4
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) (1989=100)		148.2	9.8	148.6	9.5		
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih (akhir tempoh)							
Euro		4.5933		4.5777		4.5621	
Paun Sterling		6.8719		6.9073		6.8007	
100 Yen Jepun		3.4991		3.3951		3.4478	
Dolar Singapura		2.2139		2.2034		2.2166	
100 Baht Thai		9.2841		9.1854		9.1182	
100 Peso Filipina		6.7640		6.7887		6.7559	
100 Rupiah Indonesia		0.0404		0.0414		0.0406	
100 Won Korea		0.3298		0.3245		0.3294	
Pasaran Modal							
Dana bersih (RM b) yang diperoleh dari sektor:	awam	-2.5		1.8		4.4	
	swasta	-1.1		2.4		1.5	
Indeks Komposit Bursa Malaysia (akhir tempoh)		819.9		834.0		828.0	
Nilai pasaran Bursa Malaysia (RM b) (akhir tempoh)		653.9		664.7		654.3	

[1] Merujuk kepada nisbah pinjaman dan pegangan sekuriti swasta (PDS) oleh sistem perbankan ke atas deposit sistem perbankan.